



KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

SITUASI SEMASA JANGKITAN PENYAKIT CORONAVIRUS 2019 (COVID-19) DI MALAYSIA 10 JUN 2021

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan status terkini kes COVID-19 di Malaysia sehingga 10 Jun 2021 (jam 12:00 tengah hari);

- Kes sembuh : **7,325 kes** (556,030 kes kumulatif, 86.9%);
- Kes baharu : **5,671 kes** (639,562 kes kumulatif);
- Kes import : **8 kes** (4 warganegara; 4 bukan warganegara);
- Kes tempatan : **5,663 kes** [4,880 warganegara (86.2%); 783 bukan warganegara (13.8%)];
- Kes aktif : **79,848 kes**;
- Kes yang memerlukan rawatan di Unit Rawatan Rapi (ICU) : **911 kes**;
- Kes memerlukan bantuan pernafasan : **462 kes**;
- Kes kematian : **73 kes** (3,684 kes kumulatif, 0.58%; 70 warganegara, 3 bukan warganegara);
- Jumlah kluster : **2,422 kluster**;
- Jumlah kluster baharu : **22 kluster**;


- Jumlah kluster yang telah tamat : **1,677 kluster**; dan
- Jumlah kluster aktif : **745 kluster**.

Sebanyak **73 kes** kematian pada hari ini yang melibatkan **29 kes** di Selangor, **11 kes** di Johor, lapan (8) kes di Negeri Sembilan, masing-masing **empat (4) kes** di Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Labuan, dan Pulau Pinang, **tiga (3) kes** di Pahang, **dua (2) kes** di Kelantan, serta masing-masing **satu (1) kes** di Melaka, Sabah, Terengganu, dan Perak.


Perincian jumlah kes mengikut negeri, kes-kes kematian dan kluster-kluster baharu adalah seperti di Lampiran 1, 2, 3 dan 4 yang disertakan bersama kenyataan media ini.

SITUASI TERKINI KLUSTER PERAYAAN

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin memaklumkan bermula 13 Mei 2021 sehingga 10 Jun 2021, terdapat sebanyak **60 kluster perayaan** yang berpunca daripada sambutan Hari Raya Aidilfitri (58 kluster) dan Hari Gawai (2 kluster) telah dilaporkan. Sebanyak **13,023 individu telah disaring** dalam kluster ini, di mana terdapat **3,511 kes** COVID-19 telah dikenalpasti seterusnya menjadikan kadar positif adalah sebanyak **27.0 peratus**. Daripada jumlah 3,511 kes tersebut, **20 kematian** telah dilaporkan dan sehingga kini **11 kes** masih dalam rawatan di **Unit Rawatan Rapi (ICU)**.



Negeri-negeri yang mencatatkan bilangan kluster perayaan yang tertinggi adalah Sabah dengan 11 kluster (18.3 peratus), Sarawak dengan lapan (8) kluster (13.3 peratus), serta Kedah dengan 7 kluster (11.7 peratus).



CPRC Kebangsaan KKM

Situasi peningkatan kes dan kematian yang dilaporkan bagi kluster perayaan ini dianggap **serius dan membimbangkan** kerana berlaku dalam tempoh masa yang singkat. Sekiranya masyarakat masih lagi leka serta tidak mengambil iktibar dan pengajaran dari aktiviti kunjung-mengunjungi dan rentas negeri semasa musim perayaan tersebut, tidak mustahil peningkatan

kes secara mendadak berulang di negara kita. Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk melindungi golongan rentan, khususnya ibu bapa yang uzur di kampung halaman dengan tidak mendedahkan mereka dengan jangkitan virus SARS-CoV-2 ini.

Kita wajar mencontohi negara-negara jiran yang telah berjaya mengawal situasi pandemik COVID-19 dengan baik di negara mereka. Mereka telah membuktikan bahawa dengan kerjasama antara semua pihak dan kepatuhan yang tinggi kepada prosedur operasi standard (SOP) yang digariskan, fungsi kehidupan kepada normal mampu menjadi kenyataan.

Oleh itu, rakyat Malaysia digesa untuk kekal duduk di rumah jika tiada keperluan mendesak di luar. Daftarkan diri anda dan ahli keluarga bagi mendapatkan vaksin COVID-19 bagi membentuk imuniti kelompok (*herd immunity*) dan seterusnya mewujudkan persekitaran yang lebih selamat untuk semua lapisan masyarakat.

NASIHAT KESIHATAN BERKAITAN COVID-19

KKM ingin menasihati orang ramai termasuk individu-individu yang telah menerima vaksin COVID-19 agar terus mematuhi saranan serta nasihat-nasihat kesihatan yang sering ditekankan iaitu;

Elakkan 3S: (elakkan kawasan yang **sesak**, **sempit** dan **sempang** dengan jarak yang dekat).

Amalkan 3W: (Amalkan **Wash**, **Wear** dan **Warn**).

Patuhlah kepada **S.O.P** sebagai normal baharu. KKM akan terus memantau perkembangan kejadian jangkitan di dalam negara, dan juga luar negara melalui maklumat yang diperolehi daripada pihak WHO. Orang ramai akan sentiasa dimaklumkan sebarang perkembangan terkini mengenainya. Begitu juga, KKM akan memastikan langkah pencegahan dan kawalan yang sewajarnya dilaksanakan secara berterusan.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM ABDULLAH
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA

10 Jun 2021 @ 6:30 petang.

LAMPIRAN 1**BILANGAN KES COVID-19
MENGIKUT NEGERI DI MALAYSIA
(SEHINGGA 10 JUN 2021, JAM 12:00 TENGAH HARI)**

NEGERI	BILANGAN KES BAHARU *()	BILANGAN KES KUMULATIF
SELANGOR	1,510 (4)	208,845
WP KUALA LUMPUR	769 (3)	65,311
SABAH	233	65,021
JOHOR	524 (1)	63,346
SARAWAK	631	53,631
NEGERI SEMBILAN	593	32,148
PULAU PINANG	166	31,451
KELANTAN	262	31,289
PERAK	143	23,146
KEDAH	309	21,238
MELAKA	184	14,357
PAHANG	112	11,326
TERENGGANU	108	10,373
WP LABUAN	106	5,458
WP PUTRAJAYA	18	2,076
PERLIS	3	546
JUMLAH KESELURUHAN	5,671 (8)	639,562

*() adalah merujuk kepada kes-kes import

LAMPIRAN 2

Ringkasan 73 kes kematian pada 10 Jun 2021 adalah seperti berikut:

No. Kematian	Negeri	Jantina (warganegara)	Umur (Tahun)	Hospital / Tempat Kematian	Latar Belakang Penyakit
3612	Johor	Lelaki (WN)	75	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Limfoma
3613	Pahang	Perempuan (WN)	70	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Kencing manis dan darah tinggi
3614	Johor	Lelaki (WN)	73	Hospital Enche' Besar Hajjah Khalsom, Kluang	Kencing manis, darah tinggi, kanser, hati, paru-paru kronik, jantung, dan tiroid
3615	Selangor	Perempuan (WN)	86	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Pituitari, tiroid, kencing manis, dislipidemia, jantung, dan buah pinggang kronik
3616	Selangor	Perempuan (WN)	67	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Penyakit buah pinggang dan kanser
3617	Selangor	Lelaki (WN)	62	Hospital Sungai Buloh	Dislipidemia
3618	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Kajang	Darah tinggi
3619	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	70	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dislipidemia, paru-paru kronik, dan kanser
3620	Kedah	Perempuan (WN)	70	Hospital Sultan Abdul Halim, Sungai Petani	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dan asma
3621	Selangor	Lelaki (WN)	55	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
3622	Selangor	Perempuan (WN)	35	Hospital Kajang	Obesiti

3623	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	76	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3624	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	68	Hospital Pulau Pinang	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dan dislipidemia
3625	Pulau Pinang	Lelaki (WN)	31	Hospital Kepala Batas	<i>Down's syndrome</i> dan obesiti
3626	Melaka	Lelaki (WN)	59	Hospital Melaka	Kencing manis
3627	Selangor	Lelaki (WN)	65	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi dan dislipidemia
3628	Selangor	Perempuan (WN)	60	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, dan asma
3629	Selangor	Lelaki (WN)	58	Hospital Canselor Tuanku Muhriz, Cheras	Kencing manis, darah tinggi, jantung, dislipidemia, dan obesiti
3630	Johor	Lelaki (WN)	27	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Obesiti
3631	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Sungai Buloh	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang, jantung, asma, dan obesiti
3632	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	60	Hospital Selayang	Darah tinggi dan jantung
3633	Pahang	Lelaki (WN)	78	Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan	Darah tinggi
3634	Johor	Lelaki (WN)	65	Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Darah tinggi dan jantung
3635	WP Labuan	Lelaki (WN)	45	Hospital Labuan	Darah tinggi dan dislipidemia
3636	WP Kuala Lumpur	Lelaki (WN)	71	Hospital Kuala Lumpur	Kencing manis
3637	Kelantan	Perempuan (WN)	65	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
3638	Terengganu	Lelaki (WN)	59	Hospital Sultanah Nur Zahirah, Kuala Terengganu	Darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dan dislipidemia

3639	Selangor	Lelaki (WN)	75	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Tiroid
3640	Kedah	Lelaki (WN)	76	Hospital Jitra	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
3641	Selangor	Lelaki (WN)	60	Hospital Shah Alam	Kencing manis, darah tinggi, dan dislipidemia
3642	Selangor	Lelaki (WN)	60	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung
3643	Selangor	Lelaki (WN)	58	Pusat Perubatan Universiti Malaya	Kencing manis, buah pinggang kronik, dan kanser
3644	Selangor	Lelaki (WN)	45	Hospital Ampang	Kanser
3645	Selangor	Perempuan (WN)	45	Hospital Selayang	Asma dan jantung
3646	Selangor	Lelaki (WN)	85	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan dislipidemia
3647	Sabah	Lelaki (WN)	71	Jenazah dibawa ke Hospital Semporna	Darah tinggi
3648	Johor	Lelaki (WN)	36	Hospital Segamat	Asma dan kencing manis
3649	Perak	Lelaki (WN)	87	Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh	Penyakit jantung
3650	Selangor	Perempuan (WN)	46	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Penyakit hati kronik
3651	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	79	Hospital Pulau Pinang	-
3652	Kelantan	Perempuan (WN)	50	Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu	-
3653	Pahang	Lelaki (WN)	62	Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3654	WP Labuan	Perempuan (WN)	53	Hospital Labuan	Kencing manis, darah tinggi, dan obesiti
3655	WP Labuan	Lelaki (WN)	59	Hospital Labuan	Darah tinggi

3656	Johor	Perempuan (WN)	56	Hospital Segamat	Kencing manis
3657	Pulau Pinang	Perempuan (WN)	104	Hospital Lam Wah Ee, Pulau Pinang	Dislipidemia
3658	Selangor	Lelaki (WN)	79	Jenazah dibawa ke Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Kencing manis, darah tinggi, dan jantung
3659	WP Kuala Lumpur	Perempuan (WN)	87	Hospital Kuala Lumpur	Darah tinggi, jantung, paru-paru kronik, dan kanser
3660	Selangor	Perempuan (WN)	76	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, dan strok
3661	Selangor	Lelaki (WN)	72	Hospital Ampang	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang
3662	Selangor	Perempuan (WN)	69	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, dislipidemia, dan strok
3663	Selangor	Lelaki (WN)	66	Hospital Kajang	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan strok
3664	Selangor	Lelaki (WN)	59	Hospital Sungai Buloh	Darah tinggi
3665	Selangor	Perempuan (WN)	46	Hospital Serdang	Darah tinggi, buah pinggang kronik, dan dislipidemia
3666	Selangor	Perempuan (WN)	55	Hospital Serdang	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, jantung, dan obesiti
3667	Selangor	Perempuan (WN)	54	Jenazah dibawa ke Hospital Ampang	Obesiti
3668	Johor	Lelaki (WN)	82	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Tuberkulosis
3669	Johor	Lelaki (WN)	66	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Kencing manis dan jantung
3670	Johor	Lelaki (WN)	59	Hospital Sultan Ismail, Johor Bahru	Kencing manis, darah tinggi, buah pinggang kronik, dan jantung

3671	Johor	Perempuan (WN)	58	Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar	Kencing manis dan dislipidemia
3672	Johor	Lelaki (WN)	75	Jenazah dibawa ke Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru	Strok
3673	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	84	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Jantung
3674	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	79	Hospital Jelebu	Darah tinggi
3675	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	77	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi
3676	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	73	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Darah tinggi dan buah pinggang kronik
3677	Negeri Sembilan	Perempuan (WN)	68	Hospital Jelebu	Kencing manis, darah tinggi, dan buah pinggang kronik
3678	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	64	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	Kencing manis, darah tinggi, dan asma
3679	Negeri Sembilan	Lelaki (WN)	53	Hospital Tuanku Jaafar, Seremban	-
3680	Kedah	Perempuan (WN)	13	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Buah pinggang kronik dan <i>Systemic Lupus Erythematosus</i>
3681	Kedah	Perempuan (WN)	53	Hospital Sultanah Bahiyah, Alor Setar	Kencing manis dan darah tinggi
3682	Selangor	Perempuan (BWN)	88	Jenazah dibawa ke Hospital Kajang	-
3683	Selangor	Lelaki (BWN)	33	Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang	Buah pinggang
3684	WP Labuan	Lelaki (BWN)	62	Jenazah dibawa ke Hospital Labuan	-

*WN merujuk kepada warganegara dan BWN merujuk kepada bukan warganegara

LAMPIRAN 3

Perincian 5,671 kes positif COVID-19 baharu yang dilaporkan di Malaysia pada 10 Jun 2021 mengikut jenis saringan adalah seperti berikut:

NEGERI	JUMLAH KES	KLUSTER	KONTAK RAPAT	IMPORT A*	LAIN-LAIN
SELANGOR	1,510	125	1,069	4	312
WP KUALA LUMPUR	769	188	362	3	216
SARAWAK	631	141	373	-	117
NEGERI SEMBILAN	593	140	258	-	195
JOHOR	524	202	230	1	91
KEDAH	309	43	212	-	54
KELANTAN	262	17	215	-	30
SABAH	233	55	128	-	50
MELAKA	184	45	102	-	37
PULAU PINANG	166	51	67	-	48
PERAK	143	57	59	-	27
PAHANG	112	46	58	-	8
TERENGGANU	108	35	57	-	16
WP LABUAN	106	37	31	-	38
WP PUTRAJAYA	18	-	15	-	3
PERLIS	3	-	2	-	1
JUMLAH KESELURUHAN	5,671	1,182	3,238	8	1,243

* Import A merujuk kepada kes penularan dari luar negara

LAMPIRAN 4**KLUSTER-KLUSTER BAHARU YANG DILAPORKAN DI MALAYSIA
PADA 10 JUN 2021**

No.	Nama Kluster	Kategori Kluster	Negeri	Daerah	Jumlah Kes	Jumlah Disaring
1	Industri Kampung Jaya	Tempat Kerja	Selangor	Gombak dan Petaling	19	425
2	Jalan Dua Olak Lempit	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Langat	14	267
3	Jalan Perindustrian Balakong Jaya Dua	Tempat Kerja	Selangor	Hulu Langat	15	118
4	Jalan Tiga Salak Tinggi	Tempat Kerja	Selangor	Sepang dan Hulu Langat	70	1,500
5	Jalan Tanjung Klang	Tempat Kerja	Selangor	Klang, Kuala Langat, dan Petaling	31	162
6	Tapak Bina Alam Perdana	Tempat Kerja	Selangor	Kuala Selangor	24	336
7	Jalan SS Lapan Empat	Tempat Kerja	Selangor, WP Kuala Lumpur, dan WP Putrajaya	Gombak, Petaling, Hulu Langat, Kuala Langat, Kuala Selangor, Klang, Sepang, Lembah Pantai, dan Putrajaya	71	606
8	Ploteknologi	Tempat Kerja	Johor	Muar dan Tangkak	49	109
9	Jalan Besar Batu Enam	Tempat Kerja	Johor	Muar	6	23
10	Jalan Bukit Satu Zink	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	30	73
11	Jalan Bandar Pasir Gudang	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	10	127
12	Jalan Seri Austin	Tempat Kerja	Johor	Johor Bahru	9	23
13	Jalan Lee Bah Chai	Tempat Kerja	Johor	Muar	46	191
14	Jalan Perusahaan Maju Empat	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Utara, Seberang Perai Tengah, dan Seberang Perai Selatan	19	2,253
15	Lebuhr Sungai Tiram Satu	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah, Barat Daya, dan Timur Laut	18	673

16	Jalan Besar Perai	Tempat Kerja	Pulau Pinang	Seberang Perai Tengah dan Seberang Perai Utara	10	700
17	Tapak Bina Jalan Kolam Air	Tempat Kerja	WP Kuala Lumpur	Kepong	131	349
18	Dah Pekan Baru	Tempat Kerja	Kedah	Kuala Muda	29	80
19	Bali Pie	Komuniti	Sarawak	Subis dan Miri	62	242
20	Jalan Samarakan	Komuniti	Sarawak	Tatau	49	79
21	Kampung Lakai	Komuniti	Negeri Sembilan	Jelebu	50	369
22	Kampung Lobou	Keagamaan	Sabah	Kota Kinabalu	15	62